

Pengguna boleh tambah daftar tanggungan dalam MySejahtera

Putrajaya: Pengguna yang mempunyai tanggungan kini boleh menggunakan fungsi daftar masuk (*check-in*) secara serentak apabila memasuki sesuatu premis, dengan menggunakan aplikasi MySejahtera.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata fungsi itu dibangunkan bagi memudahkan dan mempercepatkan proses daftar masuk, selaras dengan tujuan kerajaan mewajibkan semua individu yang memasuki mana-mana premis untuk merekodkan kehadiran masing-masing.

Katanya, fungsi itu boleh digunakan selepas pengguna mengemaskini aplikasi MySejahtera itu kepada versi ke-24.

“Pengguna perlu memilih

fungsi ‘Lain-lain’ di menu utama aplikasi MySejahtera sebelum memilih aktiviti ‘Tambah ‘Tanggungan’. Tekan ‘Tambah Tanggungan’ di bahagian bawah sebelah kanan bagi memasukkan butiran ahli keluarga.

“Pastikan semua maklumat yang dimasukkan adalah betul. Selepas selesai memasukkan butiran ahli keluarga, tekan ‘Simpan’.

“Pengguna boleh memilih ‘Tambah Satu Lagi’ sekiranya ingin memasukkan maklumat ahli keluarga seterusnya,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

MySejahtera adalah aplikasi dibangunkan kerajaan untuk membantu dalam pengawasan penularan wabak COVID-19 di dalam negara dengan membo-

lehkan pengguna melaksanakan penilaian kesihatan sendiri.

Pada masa sama, ia membantu Kementerian Kesihatan mendapat maklumat awal untuk mengambil tindakan yang cepat dan berkesan berkaitan jangkitan COVID-19.

Dr Noor Hisham berkata, individu yang ingin mendaftar masuk untuk beberapa individu, boleh memilih nama yang dimasukkan dalam aplikasi itu selain tiada had ditetapkan bagi bilangan nama yang hendak didaftarkan sebagai tanggungan.

Katanya, fungsi itu boleh digunakan semua pengguna aplikasi MySejahtera untuk mendaftar masuk di semua premis yang berdaftar dengan aplikasi terbit.